




SALURKAN SEBARANG MAKLUMAT ATAU ADUAN BERKAITAN INTEGRITI MELALU e-Integriti di <http://www.portal.doa.gov.my/eintegriti/>

1. PEMANSUHAN APPROVED PERMIT (AP) BAGI KOMODITI AGROMAKANAN



- Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 18 Mei 2022, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memaklumkan berkuatkuasa serta merta bahawa **Approved Permit (AP)** yang merujuk kepada kelulusan kuota import bagi komoditi agromakanan tertentu iaitu **kubis bulat, kelapa tua biji, ayam (keratan ayam dan ayam bulat)** dan **susu cair** tidak lagi dikenakan. Keputusan pemansuhan AP adalah sebagaimana diputuskan oleh Jemaah Menteri.
- Walaupun AP tidak lagi diperlukan untuk membawa masuk komoditi agromakanan tertentu daripada luar negara, **Import Permit (IP)** masih lagi diperlukan. Oleh itu, kawalan pemeriksaan dokumen dan fizikal bagi produk import pertanian di pintu masuk negara bagi tujuan kawalan biosekuriti di pintu-pintu masuk negara akan diteruskan. Ini bagi memastikan kawalan biosekuriti dan produk yang diimport adalah bebas daripada penyakit dan perosak serta dari loji yang halal dan diiktiraf oleh Kerajaan.

Untuk maklumat lanjut mengenai perkara ini sila rujuk :

Kenyataan Media Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bertarikh 19 Mei 2022 di pautan :

<https://www.mafi.gov.my/web/guest/kenyataan-media-2022>

2. PELAKSANAAN BORANG PENGISYTIHARAN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN (CONFLICT OF INTEREST) BAGI KAKITANGAN JABATAN PERTANIAN DAN SURAT AKUAN SYARIKAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN MS ISO 37001:2016 SISTEM PENGURUSAN ANTIRASUAH (SPAR)

- Semua Ketua Jabatan/ Pejabat dimohon untuk memastikan borang/ surat aakuan berikut ditandatangani oleh kakitangan Jabatan/ syarikat yang dilantik sebagai Rakan Strategik atau mana-mana syarikat yang berurusniaga dengan Jabatan (Rakan Niaga) bagi memenuhi keperluan SPAR :
 - Borang Pengisytiharan Percanggahan Kepentingan (*Conflict of Interest*);
 - Surat Aakuan Syarikat Jalinan Kerjasama Strategik Dengan Jabatan Pertanian;
 - Surat Aakuan Syarikat Rakan Niaga Jabatan Pertanian.

Untuk maklumat lanjut mengenai perkara ini sila rujuk :

Surat edaran bertarikh 16 Februari 2022 di pautan :

http://www.doa.gov.my/index/resources/aktiviti_sumber/sumbu_r_awan/maklumat_integriti/pekeliling_peraturan_garispuanduan_top_suratarahan/pelaksanaan_borang_pengisytiharan_percanggahan_kepentingan_kakitangan_DOA.pdf

3. MAKLUMAT INTEGRITI PORTAL RASMI JABATAN PERTANIAN

- Untuk makluman semua warga kerja Jabatan Pertanian, Unit Integriti dengan kerjasama Bahagian Perancangan Strategik telah menyediakan maklumat berkaitan integriti di laman Portal Rasmi Jabatan Pertanian.

Maklumat tersebut boleh diperolehi melalui pautan berikut :

<http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/1017?mid=144>

